



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

ASWARA memerlukan kumpulan baru yang terdiri daripada individu yang dinamik, kreatif, inovatif, bermotivasi tinggi untuk bekerja dengan semangat berpasukan dan meminati serta menghargai bidang seni budaya dan warisan bagi merealisasikan misi dan visi penubuhan ASWARA.

Warganegara Malaysia yang mempunyai tahap disiplin dan berintegriti tinggi, bersedia menghadapi cabaran untuk menyertai dunia pendidikan seni budaya dan warisan adalah dialu-alukan untuk mengisi jawatan berikut:-

BIL	JAWATAN	GREED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN
1.	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM	KONTRAK

SYARAT-SYARAT:

KRITERIA LANTIKAN

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Bagi bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia hendaklah tidak melebihi 45 tahun;
 - Bekas anggota polis atau tentera yang berpangkat Koperal dan ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
- Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :-
 - Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - Berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46 kg bagi wanita;
 - Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - Lulus dalam Ujian Penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; **DAN**
 - Diperiksa dan diperakui sihat berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

10 DISEMBER 2021 (JUMAAT)

CARA MEMOHON

- Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Perjawatan ASWARA** yang boleh diperolehi dengan memuat turun borang tersebut di **laman Web ASWARA** iaitu di www.aswara.edu.my
- Permohonan yang telah dilengkapi perlu dikembalikan bersama-sama sekeping gambar terbaru berukuran passport, salinan sijil kelahiran, salinan kad pengenalan, salinan sijil-sijil persekolahan dan kelulusan, *resume* dan dokumen-dokumen sokongan dan sijil-sijil yang berkaitan yang **telah disahkan**.
- Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan disertakan bersama salinan-salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan Laporan Nilai Prestasi untuk tempoh 3 (tiga) tahun berturut-turut yang telah disahkan.
- Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam **sampul surat**. Di sudut atas **sebelah kiri sampul surat** hendaklah ditulis **nama jawatan dipohon**.
- Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut :-

Rektor
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
464, Jalan Tun Ismail,
50480 KUALA LUMPUR.
(u.p: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
Tel : 03-27785936/5939/5938